



KENYATAAN MEDIA BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEDUA 2023

Ekonomi Malaysia bertumbuh perlahan kepada 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023

PUTRAJAYA, 18 Ogos 2023 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun kedua 2023 menyederhana kepada 2.9 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat sebanyak 1.5 peratus (ST1 2023: 0.9%) pada suku tahun ini. Sejajar dengan itu, prestasi ekonomi bulanan meningkat secara marginal 0.7 peratus pada April, melonjak 5.6 peratus pada Mei dan menyederhana kepada 2.4 peratus pada Jun 2023. Pertumbuhan kukuh pada Mei 2023 disumbangkan oleh peningkatan sementara dalam permintaan global dan penggunaan isi rumah. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Tahun Kedua 2023**.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Pertumbuhan ekonomi 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023 didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan. Selain itu, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar terus memacu pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini. Bagi separuh tahun 2023 ekonomi Malaysia berkembang 4.2 peratus (1H 2022: 6.8%)”.

Beliau menambah, “Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** meningkat 4.7 peratus (ST1 2023: 7.3%) pada suku tahun kedua 2023. Prestasi memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (4.7%), Pengangkutan & penyimpanan (13.5%), Perkhidmatan perniagaan (10.7%) dan Penginapan (49.0%). Walau bagaimanapun, beberapa subsektor utama iaitu Makanan & minuman tumbuh pada kadar lebih perlahan 1.6 peratus (ST1 2023: 3.7%) manakala Kewangan dan insurans menunjukkan penurunan sebanyak 4.7 peratus (ST1 2023: 1.9%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan meningkat 2.7 peratus (ST1 2023: 1.8%)”.

Sektor **Pembinaan** berkembang 6.2 peratus (ST1 2023: 7.4%) pada suku tahun kedua 2023. Prestasi ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor terutamanya Kejuruteraan awam (10.0%), Aktiviti pembinaan pertukangan khas (6.4%) dan Bangunan kediaman (6.1%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembinaan meningkat 4.8 peratus (ST1 2023: 2.9%).

Sektor **Pembuatan** meningkat secara marginal 0.1 peratus (ST1 2023: 3.2%) pada suku tahun ini. Prestasi sederhana sektor ini dipengaruhi oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (5.4%), Produk minuman & tembakau (8.8%) serta Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (2.1%). Penyumbang utama dalam sektor Pembuatan ialah Produk elektrik, elektronik & optikal dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus dan 1.6 peratus. Sementara itu, Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan berkembang sederhana sebanyak 0.7 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat 0.6 peratus (ST1 2023: 0.5%).

Sebaliknya, sektor **Pertanian** menyusut sebanyak 1.1 peratus (ST1 2023: 1.0%) disebabkan oleh penyusutan dalam subsektor Kelapa sawit (-6.9%) dipengaruhi oleh fenomena El Nino. Manakala, subsektor Ternakan, Getah dan Pertanian lain menunjukkan pertumbuhan lebih baik pada suku tahun ini. Sektor ini mencatatkan penurunan 3.6 peratus (ST1 2023: -2.5%) bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun. Sektor **Perlombongan & pengkuarian** merosot 2.3 peratus (ST1 2023: 2.4%) pada suku tahun kedua 2023 disebabkan oleh kejatuhan dalam subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat yang masing-masing mencatatkan penurunan 3.6 peratus dan 1.5 peratus. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini menyusut 2.7 peratus (ST1 2023: -3.2%).

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa “**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau isi rumah** yang menyumbang 60.7 peratus kepada KDNK, meningkat 4.3 peratus (ST1 2023: 5.9%) disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (6.3%) diikuti oleh Komunikasi (7.1%) dan Pengangkutan (6.1%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan 5.9 peratus (ST1 2023: 2.0%)”.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan ke atas aset tetap meningkat 5.5 peratus (ST1 2023: 4.9%) pada suku tahun ini. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Struktur (6.0%), Jentera & peralatan (4.4%) serta Aset lain (8.3%). PMTK mengikut sektor menunjukkan kedua-dua sektor Awam dan Swasta merekodkan peningkatan pada suku tahun kedua 2023. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan peningkatan 4.7 peratus (ST1 2023: -1.4%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 3.8 peratus (ST1 2023: -2.2%) dipacu oleh pertumbuhan dalam perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 4.0 peratus (ST1 2023: -1.7%) pada suku tahun ini.

Beliau juga menyatakan bahawa “Kedua-dua **Eksport** dan **Import** masing-masing menyusut 9.4 peratus (ST1 2023: -3.3%) dan 9.7 peratus (ST1 2023: -6.5%) berikutan permintaan global yang lemah terhadap eksport dan import barang. Walau bagaimanapun, eksport perkhidmatan meningkat terutamanya disokong oleh peningkatan kemasukan pelancong antarabangsa. Lanjutnya, **Eksport bersih** turun 3.7 peratus berbanding peningkatan 54.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Diterbitkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
18 OGOS 2023


LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2020 – ST2 2023 dan 1H2020 – 1H2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 2: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 18 Ogos 2023

Carta 3: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST1 2023 & ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST1 2023 & ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 5: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, April - Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 18 Ogos 2023

**Carta 6: KDNK Pelarasan Musim
(Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST2 2015 – ST2 2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2020 – ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE SECOND QUARTER OF 2023

Malaysia's economy moderated 2.9 per cent in the second quarter of 2023

PUTRAJAYA, 18 August 2023 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the second quarter of 2023 moderated to 2.9 per cent after recorded a growth of 5.6 per cent in the previous quarter. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP increased by 1.5 per cent (Q1 2023: 0.9%) in this quarter. Correspondingly, the monthly economic performance grew marginally at 0.7 per cent in April, picked up 5.6 per cent in May and eased at 2.4 per cent in June 2023. The robust growth in May 2023 was attributed to a temporary pick up in global demand and household consumption. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Gross Domestic Product (GDP) for the Second Quarter of 2023**.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The economic growth of 2.9 per cent in the second quarter of 2023 was driven largely by the Services and Construction sectors. Furthermore, Private final consumption expenditure and Gross fixed capital formation continued to propel growth in the economy in this quarter. For the first half of 2023 Malaysia's economy grew by 4.2 per cent (1H 2022: 6.8%)”.

He added that, “In terms of sectoral performance, the **Services** sector rose by 4.7 per cent (Q1 2023: 7.3%) in the second quarter of 2023. The favourable performance was attributed to the Wholesale & retail trade (4.7%), Transportation & storage (13.5%), Business services (10.7%) and Accommodation (49.0%) sub-sectors. Nevertheless, several key sub-sectors namely Food & Beverages grew at a slower rate of 1.6 per cent (Q1 2023: 3.7%) while Finance and insurance showed a decrease of 4.7 per cent (Q1 2023: 1.9%). On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector increased 2.7 per cent (Q1 2023: 1.8%)”.

The **Construction** sector grew by 6.2 per cent (Q1 2023: 7.4%) in the second quarter of 2023. The expansion was driven by positive growth in all sub-sectors, particularly in Civil engineering (10.0%), Specialised construction activities (6.4%) and Residential

buildings (6.1%). On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector increased 4.8 per cent (Q1 2023: 2.9%)”.

*The **Manufacturing** sector grew marginally by 0.1 per cent (Q1 2023: 3.2%) in this quarter. The modest performance of this sector was influenced by Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (5.4%), Beverages & tobacco products (8.8%), as well as Vegetable and animal oils & fats and food processing (2.1%). The major contributors in the Manufacturing sector which are Electrical & electronics products and Petroleum, chemical, rubber & plastic products registered a decrease of 1.5 per cent and 1.6 per cent, respectively. Meanwhile, Transport equipment, other manufacturing & repair grew moderately at 0.7 per cent. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector increased 0.6 per cent (Q1 2023: 0.5%).*

*On the contrary, the **Agriculture** sector declined by 1.1 per cent (Q1 2023: 1.0%), attributed to the contraction in the Oil palm sub-sector (-6.9%) influenced by El Nino phenomena. Nonetheless, Livestock, Rubber and Other agriculture showed better growth in this quarter. This sector recorded a decrease of 3.6 per cent (Q1 2023: -2.5%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted. The **Mining & quarrying** sector decreased by 2.3 per cent (Q1 2023: 2.4%) in the second quarter of 2023, influenced by the Natural gas and Crude oil & condensate sub-sectors, which contracted by 3.6 per cent and 1.5 per cent, respectively. On quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector dropped 2.7 per cent (Q1 2023: -3.2%).*

*Commenting further, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption or household expenditure**, which contributed 60.7 per cent to GDP, grew 4.3 per cent (Q1 2023: 5.9%) attributed to the higher consumption in Housing, water, electricity, gas & other fuels (6.3%), followed by Communication (7.1%) and Transport (6.1%). On quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall performance of Private final consumption expenditure posted an increase of 5.9 per cent (Q1 2023: 2.0%)”.*

***Gross fixed capital formation (GFCF)** or investment in fixed assets, increased by 5.5 per cent (Q1 2023: 4.9%) in this quarter. The performance of GFCF was contributed by Structure (6.0%) and Machinery & equipment (4.4%), as well as Other assets (8.3%). GFCF by sector showed that both Public and Private sectors recorded increases in the second quarter of 2023. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the GFCF registered an increase of 4.7 per cent (Q1 2023: -1.4%).*

***Government final consumption expenditure** increased by 3.8 per cent (Q1 2023: -2.2%), led by spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure increased 4.0 per cent (Q1 2023: -1.7%) in this quarter.*

*He also mentioned that “Both **Exports** and **Imports** declined by 9.4 per cent (Q1 2023: -3.3%) and 9.7 per cent (Q1 2023: -6.5%), respectively, following weaker global demand on merchandise exports and imports. However, exports of services increased mainly supported by international tourist arrivals. Thus, **Net exports** declined by 3.7 per cent as compared to an increase of 54.4 per cent in the preceding quarter.”*

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
18 AUGUST 2023**


APPENDIX

**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2020 – Q2 2023
and 1H2020 – 1H2023**




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Monthly and Quarterly GDP Growth (%)




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q1 2023 & Q2 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q1 2023 & Q2 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 5: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, April – June 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 6: Seasonally Adjusted GDP
(Per centage Change from Preceding Quarter), Q2 2015 – Q2 2023**



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 7: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2020 – Q2 2023



Source: Department of Statistics Malaysia